

Menteri perlu lapor prestasi perbelanjaan

UM 27 OCT 2002

BANGI 26 Okt.— Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, setiap menteri kini dikehendaki melaporkan prestasi perbelanjaan kementerian masing-masing setiap dua minggu sekali bagi membolehkan beliau membuat pengawasan dan penilaian.

Perdana Menteri juga mengarahkan setiap menteri melawat projek yang dilaksanakan bagi memastikan ia berjalan lancar.

“Selain memberi arahan perbelanjaan, menteri perlu melawat projek bagi mengenal pasti sekiranya ada masalah,” katanya ketika menjawab soalan Datuk Dr. Kamaruddin Kachar pada sesi dialog Kongres Patriotisme Negara di sini hari ini.

Dr. Kamaruddin membangkitkan soalan bagaimana proses pelaksanaan, pendidikan dan latihan diamalkan bagi memupuk semangat patriotik di kalangan generasi muda semasa sesi dialog.

Perdana Menteri berkata, arahan itu dibuat bagi memastikan peruntukan yang diberi untuk melaksanakan projek dapat digunakan sepenuhnya untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Menurut beliau, kerajaan sebelum ini pernah membangkitkan soal kelemahan perbelanjaan agensi-agensi kerajaan yang antara lain disebabkan oleh masalah pelaksanaan yang kurang cekap.

Bagaimanapun, katanya, pada tahun lepas perbelanjaan agensi kerajaan menunjukkan prestasi yang memuaskan iaitu sehingga 99 peratus.

“Namun sehingga Ogos tahun ini, hanya 57 peratus peruntukan dibelanjakan,” katanya.